



**Skim mySalam merupakan sebuah perlindungan
kesihatan yang bukan bermotifkan keuntungan
untuk hospital kerajaan, universiti dan tentera
– bukan untuk hospital swasta**

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SKIM mySALAM MERUPAKAN SEBUAH SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN YANG BUKAN BERMOTIFKAN KEUNTUNGAN UNTUK HOSPITAL KERAJAAN, UNIVERSITI DAN TENTERA – BUKAN UNTUK HOSPITAL SWASTA

Seperti diumumkan terdahulu, skim mySalam tidak akan memberikan keuntungan kepada mana-mana syarikat insurans swasta. Semua premium yang dibayar Kerajaan, jika tidak digunakan sebagai tuntutan oleh penerima manfaat, akan **dibayar balik** kepada Tabung Amanah mySalam

Harus ditekankan semula bahawa tiada unsur keuntungan bagi Great Eastern Holdings mahupun Great Eastern Takaful Berhad (GETB) melalui skim mySalam. Oleh itu, tiada insentif untuk GETB sebagai pengurus takaful mySalam untuk tidak mengeluarkan bayaran bagi mana-mana tuntutan yang layak.

Proses tuntutan untuk mySalam mudah dan jelas. Seorang pesakit yang telah disahkan menghadapi mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal di **hospital kerajaan, universiti atau tentera di Malaysia** boleh menghantarkan laporan perubatan kepada mySalam untuk layak mendapatkan manfaat wang sebanyak RM8,000.

Kes yang disebarakan baru-baru ini tentang tuntutan penyakit kritikal yang telah ditolak daripada seorang pemandu lori berusia 48 tahun dengan kanser kolon tahap 4 adalah kerana **beliau tidak menghantar salinan laporan perubatan daripada seorang doktor hospital kerajaan**. GETB bersedia untuk membantu proses rayuan beliau untuk mendapat faedah penyakit kritikal sebanyak RM8,000.

Maklumat berkenaan mySalam termasuk syarat-syarat kelayakan boleh dicapai dengan mudah secara atas talian di <https://www.mysalam.com.my/> (<https://www.mysalam.com.my/>) Selain itu, mySalam bersama organisasi-organisasi berkaitan juga sedang mengadakan program publisiti dan media, jerayawara dan sesi kesedaran secara meluas, serta reruai-reruai *pop-up* di hospital-hospital kerajaan utama untuk meningkatkan jumlah penerima manfaat daripada dana ini.

.....